

Islam dan Peperangan

menangkis serangan dari pihak lawan.

2. Peperangan bagi, memelihara kedaulatan Islam, bagi

memelihara jiwa umat Muslimin, akidah mereka, harta, dan juga mereka yang bernaung di bawah panji-panji Islam dari pencerobohan.

Kedua-dua bahagian tersebut diizinkan oleh 2Islam² di atas umat Muslimin bangun mempertahankannya. Hal ini telah ditegaskan oleh al-Qur'ān:

“Udhinā lillah wa lillah wa inna Allāha ‘alā naṣrihim laqadīr”.

Ertinya: “Diizinkan (Allah berperang) bagi mereka yang diperangi, sesungguhnya mereka itu teraniyai, dan sesungguhnya Allah berkuasa menolong mereka (*Sūrat al-Ḥajj* 39).

“Wa qātīlū fī sabīli Allāhi alladhīna yuqātīlūnakum”

Ertinya: “Berperanglah kamu pada jalan Allah akan orang-orang yang memerangi kamu.” (*Sūrat al-Baqarah*: 190).

Dasar Islam keseluruhannya menyeru mengembangkan keadilan antara manusia seluruhnya dan membasmikan kezaliman mempertahankan pencerobohan, memerangi segala rupa bentuk kejahatan. Yang demikian sesuai dengan dua bentuk peperangan yang diizinkan oleh Islam itu. Iaitu peperangan mempertahankan kehormatan negara dari pencerobohan penindasan dan peperangan bagi memelihara maruah umat Muslimin dari perbudakan, penindasan dan pencerobohan.

3. Peperangan bagi tujuan

pencerobohan dan serangan atas wilayah asing dengan tujuan penjajahan dan memperbudak-budakkan penduduknya, maka ini adalah ditegah di dalam Islam dan tiada diizinkan bagi umat Muslimin.

Adapun peperangan-peperangan dari pihak Muslimin yang berbentuk serangan-serangan mengejut, maka itu bukanlah bertujuan untuk memperhambakan ataupun memperbudak-budakkan penduduk-penduduk wilayah itu, tetapi serangan terpaksa dilakukan secara mengejut setelah diyakinkan bahawa pihak musuh Islam menyalahi janji, dan kecenderungan mereka itu bagi menghancurkan umat Muslimin.

Setengah daripada taktik peperangan bahawa unsur-unsur mengejut itu adalah dari sebab-sebab kemenangan dan kejayaan. Dan hakikat itu tidaklah sunyi kepada umat Muslimin di zaman yang telah lalu.

Islam ada mempunyai undang-undang dan


aturan-aturan juga disiplin peperangan, yang mana tidak harus bagi umat Muslimin melanggarnya. Bahkan menjadi kewajiban di atas mereka melaksanakan sekiranya umat Muslimin bercita-cita dan berkehendak mendapat keredaan Allah dan kemenangan.

Setengah Daripada Aturan-aturan Yang Ditetapkan Oleh Al-Qur'ān:

1. Wajib mempunyai persediaan bagi peperangan supaya tidak dipermudahkan oleh lawan dengan kekuatan Muslimin itu. Kemudian barulah mengisytiharkan perang. Hal ini dapat kita mengambil pengertian dari ayat:

“Wa a‘iddū lahum mā istaṭā‘tum min quwwatin wa min ribā‘i al-khayl, turhibūna bihī ‘aduwwa Allāhi wa ‘aduwwakum.”

Ertinya: “Bersedialah untuk melawan mereka (musuh-musuh) sekadar



Tentera-tentera Muslimin di zaman moden sentiasa siap sedia menjalankan latihan-latihan peperangan untuk mempertahankan agama dan negara mereka daripada sebarang pencerobohan musuh-musuh Islam dari luar.

² Perkataan sebenar ialah Islam.

Islam dan Peperangan

yang berkuasa oleh kamu dengan kekuatan (tentera-tentera) berkuda, supaya boleh kamu mempertakuti musuh Allah dan musuh kamu.” (Sūrat al-Anfāl: 60)

2. Mengikuti salah satu dari langkah-langkah yang ditawarkan: iaitu pertama, menganjurkan *al-da‘wah al-Islāmiyyah*. Kedua, menganjurkan *al-jizyah* di bawah panji-panji Islam kemudian barulah mengisytiharkan peperangan.

3. Bila peperangan bermula, maka menjadi kewajiban di atas seluruh umat Muslimin berperang dengan tabah di depan musuh. Hendaklah sentiasa mengingati Allah dan memohon kemenangan serta pertolongan dari Allah firman Allah:

“Yā ayyuhā alladhīna āmanū wa idhā³ laqātumu alladhīna kafarū zahfan fa lā tuwallūhumu al-adbār.”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berjumpa dengan

orang-orang kafir dalam pertempuran, maka janganlah kamu palingkan punggung-punggung kamu kepada mereka (mundur ke belakang)”. (Sūrat al-Anfāl: 15).

“Waidhā⁴ kaḥimā fī ḥudūdihū wa wallūhumū Allāha kathīran la ‘allakum tuflīhūn”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan segolongan musuh, maka hendaklah kamu tetap (pendirian) dan ingat kepada Allah banyak-banyak, mudah-mudahan kamu beroleh kemenangan.” (Sūrat al-Anfāl: 45)

4. Dilarang melakukan pencerobohan yang melampaui batas. Kerana Islam melarang bersikap dendam hati terhadap seteru. Sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Qur’ān:

“Fa mani i‘tadā ‘alaykum fa i‘tadū ‘alayhi bi mithli ma i‘tadā ‘alaykum”

Ertinya: “Barang siapa yang mengganggu kamu, maka hendaklah kamu ganggu mereka seimbang dengan gangguan mereka ke atas kamu”. (Sūrat al-Baqarah: 194)

“Wa qātīlū fī sabīli Allāhi alladhīna yuqātīlūnākum wa lā ta‘tadū, inna Allāha lā yuḥibbu al-mu‘tadīn.”

Ertinya: “Berperanglah kamu pada jalan Allah, terhadap orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batasan), sesungguhnya Allah tidak mengasihani orang-orang yang melampaui batasan” (Sūrat al-Baqarah: 190).

5. Islam juga melarang melakukan pencerobohan itu terhadap orang-orang tua, perempuan-peperangan, kanak-kanak, ahli-ahli ibadah, pokok-pokok kayu, binatang-binatang sebagaimana amanah Abū Bakr — Khalifah pertama — bagi ahli-ahli peperangan kaum Muslimin.

6. Wajib menerima damai sementara bila diminta oleh lawan, sekalipun bayangan kemenangan di pihak Muslimin sudah ternyata. Firman Allah **“Wa in janaḥū al-silmi⁵ fa ijnaḥ lahā wa tawakkal ‘alā Allāh.”**

Ertinya: “Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya, dan serahkanlah diri kepada Allah”. (Sūrat al-Anfāl: 61)

Dalam Masalah Cukai:

Islam mewajibkan cukai (*jizyah*) ke atas kafir *dhimmī* yang bernaung di bawah naungan pemerintahan Islam. Mereka ini ialah yang tiada mahu menerima “dakwah Islam” tetapi sebaliknya mereka suka hati tinggal dan bernaung di bawah panji-panji negara Islam.

Dalam hal ini Qur’an telah menegaskan dengan jelasnya:

“Qātīlū alladhīna lā yu‘minūna bi Allāhi wa lā bi al-yawmi al-ākhirī wa lā yuḥarrimūna mā ḥarrama Allāhu wa rasūluḥ, wa lā yadīnūna



Negara-negara Islam pada hari ini dilengkapi dengan angkatan tentera udara yang lengkap dan moden untuk menghadapi sebarang cabaran dari musuh.

³ Perkataan sebenar ialah ... *āmanū idhā*.

⁴ Perkataan sebenar ialah *idhā*.

⁵ Perkataan sebenar adalah *li al-silmi*